# ISU PENGGUNAAN KALIMAH ALLAH OLEH BUKAN ISLAM



**Latarbelakang**

Isu kalimah Allah menjadi polemik dalam kalangan masyarakat berbilang agama di Malaysia apabila *Titular Roman Catholic Archbishop of Kuala Lumpur* sebagai penerbit majalah mingguan Kristian Katolik Malaysia iaitu The Herald memohon semakan kehakiman mencabar keputusan Menteri Dalam Negeri melarang penggunaan nama Allah dalam terbitannya. Majalah ini diterbitkan dalam empat bahasa iaitu Inggeris, Melayu, Cina dan India. Penggunaan kalimah Allah untuk merujuk kepada Tuhan digunakan dalam versi bahasa Melayu bagi memenuhi keperluan penganut Katolik di Sabah dan Sarawak.

Arahan larangan tersebut dikatakan sebagai salah dari sudut perundangan, tidak mengikut perlembagaan, tidak munasabah dan tidak sah. Mahkamah Tinggi dalam keputusannya pada 31 Disember 2009 memihak kepada pihak penerbit dengan membatalkan arahan menteri yang melarang penggunaan nama Allah dalam terbitan mereka. Namun Mahkamah Rayuan pada 14 Oktober 2013 kemudiannya mengetepikan keputusan Mahkamah Tinggi atas alasan keputusan yang diberikan sebelum ini adalah salah dan seterusnya mengekalkan arahan pengharaman penggunaan nama Allah.

Pihak penerbit memohon kebenaran untuk merayu kepada Mahkamah Persekutuan sebagai mahkamah tertinggi. Keputusan yang disampaikan oleh panel tujuh hakim yang diketuai Ketua Hakim Negara memutuskan menolak permohonan tersebut dan mengekalkan keputusan Mahkamah Rayuan.

**Konteks Penggunaan Kalimah Allah Menurut Syarak**

Kalimah Allah merupakan kalimah suci umat Islam dan hanya boleh digunakan untuk merujuk kepada Tuhan Yang Maha Esa yang memiliki segala sifat kesempurnaan sepertimana yang ditegaskan oleh Allah SWT di dalam surah al-Ikhlas ayat 1 – 4:

قُلْ هُوَ ٱللَّهُ أَحَدٌ ۝١ ٱللَّهُ ٱلصَّمَدُ ۝٢ لَمْ يَلِدْ وَلَمْ يُولَدْ ۝٣
وَلَمْ يَكُن لَّهُۥ كُفُوًا أَحَدٌۢ ۝٤

*Maksudnya:*
*Katakanlah (wahai Muhammad): "(Tuhanku) ialah Allah Yang Maha Esa; ( 1 )" Allah Yang menjadi tumpuan sekalian makhluk untuk memohon sebarang hajat; ( 2 ) "Ia tiada beranak, dan Ia pula tidak diperanakkan; ( 3 ) "Dan tidak ada sesiapapun yang serupa denganNya" ( 4 ).*

Surah ini merangkumkan tiga dasar utama iaitu pengisbatan keesaan Allah SWT, penolakan fahaman menyeleweng serta penyucian Allah SWT daripada keserupaan dengan makhluk. Maka, setiap pengisbatan kepada Allah SWT dalam konteks yang lari daripada perkara tersebut adalah batil dan menyeleweng serta perlu dihalang semampu mungkin.

Dalam masa yang sama, Allah turut menempelak golongan yang menamakan Allah dengan sebutan atau panggilan yang bercanggah dengan hakikat ketuhanan yang sebenar. Hal ini sebagaimana yang telah dijelaskan dalam surah al-Haj ayat 62:

ذَٰلِكَ بِأَنَّ ٱللَّهَ هُوَ ٱلْحَقُّ وَأَنَّ مَا يَدْعُونَ مِن دُونِهِۦ هُوَ ٱلْبَٰطِلُ
وَأَنَّ ٱللَّهَ هُوَ ٱلْعَلِيُّ ٱلْكَبِيرُ ۝٦٢

*Maksudnya:*
*Bahawasanya Allah, Dialah sahaja tuhan yang sebenar-benarnya dan segala yang mereka seru selain daripada-Nya itu adalah palsu, sesungguhnya Allah jualah Yang Maha Tinggi keadaanNya, lagi Maha Besar (kekuasaanNya).*

Dakwaan mereka bahawa Allah itu salah satu dari tiga tuhan juga amat tersasar daripada hakikat sebenar yang dimaksudkan di dalam Islam, sepertimana firman Allah SWT dalam surah al-Maidah ayat 73:

لَّقَدْ كَفَرَ ٱلَّذِينَ قَالُوٓاْ إِنَّ ٱللَّهَ
ثَالِثُ ثَلَٰثَةٍ وَمَا مِنْ إِلَٰهٍ إِلَّآ إِلَٰهٌ وَٰحِدٌ

*Maksudnya:*
*"Demi sesungguhnya telah kafirlah orang-orang yang berkata: "Bahawasanya Allah ialah salah satu dari tiga tuhan". Padahal tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Tuhan yang Maha Esa".*

Hakikatnya, Allah merupakan pusat penumpuan sembahan bagi semua makhluk yang diciptakan-Nya sedangkan sembahan-sembahan lain yang disandarkan kepada-Nya adalah menyeleweng kerana tidak mampu memberikan sebarang mudarat mahupun manfaat kepada sesiapa. Maka, tindakan sesetengah pihak yang menyandarkan kemuliaan kalimah Allah tersebut kepada makhluk yang lemah adalah suatu penghinaan terhadap ketinggian kedudukan kalimah itu sendiri.

Golongan bukan Muslim secara jelas telah menggunakan kalimah tersebut dalam konteks yang salah kerana menetapkan konsep triniti sebagai asas kepercayaan kepada Allah. Maka, larangan dan sekatan yang sewajarnya perlu dikuatkuasakan bagi mengelakkan kesucian kalimah tersebut daripada tercemar.

**Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor**

Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor berkaitan Isu Tuntutan Penganut Kristian Terhadap Penggunaan Kalimah Allah yang diwartakan pada 18 Februari 2010 secara jelas menegaskan bahawa Lafaz Allah merupakan kalimah suci yang khusus bagi agama dan umat Islam dan ia tidak boleh digunakan atau disamakan dengan agama-agama bukan Islam yang lain.

Oleh itu, wajib bagi umat Islam menjaganya dengan cara yang terbaik dan sekiranya terdapat unsur-unsur penghinaan atau penyalahgunaan terhadap kalimah tersebut, maka ia perlu disekat mengikut peruntukan Undang-Undang yang telah termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.

Majlis Agama Islam Selangor

***Kesimpulan***

*Seluruh agensi hal ehwal agama Islam di Negeri Selangor menjunjung kasih titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor bertarikh 23 Mac 2021 yang melarang penggunaan kalimah Allah dalam kitab Bible (terjemahan Bahasa Melayu) atau percetakan apa-apa buku dan penulisan bagi agama Kristian di dalam Negeri Selangor, penggunaan kalimah Allah dalam apa-apa bentuk sekalipun oleh orang bukan Islam yang mengandungi kalimah Allah adalah dilarang sama sekali penggunaannya di Negeri Selangor.*

*Sumber imej : mindatajdid*